



AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

PELAN STRATEGIK 2026-2030

**"Memacu Kejayaan Pembelajaran"
(Empowering Learning Success)**



KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

3-4

1. PENDAHULUAN

5-10

- Ringkasan Eksekutif
- Latar Belakang APN
- Carta Organisasi
- Fungsi APN
- Punca Kuasa

2. CABARAN PERSEKITARAN

11-13

- Pemegang Taruh, Pelanggan dan Rakan Strategik
- Isu dan Cabaran Strategik Berdasarkan Analisis Persekitaran

3. HALA TUJU STRATEGIK

14-16

- Visi, Misi, Moto
- Nilai Bersama

4. STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

17-25

- Pelan Tindakan

5. PELAKSANAAN KE ARAH KEJAYAAN

26-31

- Mekanisme Pelaksanaan
- Faktor Penentu Kejayaan

6. PENUTUP

32

- Matlamat APN Pasca 2030



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

PELAN STRATEGIK 2026-2030

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

*Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita berjaya melangkah ke fasa baharu memperkukuh latihan kehakiman dan perundangan negara melalui penerbitan Pelan Strategik APN 2026–2030. Dokumen ini bukan sekadar pelan lima tahun, tetapi manifestasi tekad seluruh warga APN untuk mengangkat kecemerlangan latihan kehakiman dan perundangan ke tahap tertinggi.



Pelan strategik APN adalah lambang tekad dan semangat seluruh warga APN untuk terus memperkukuh latihan kehakiman dan perundangan negara. Ia mencerminkan hasrat APN untuk melangkah lebih jauh dalam memastikan latihan dan pembangunan profesional dalam bidang undang-undang terus relevan, berdaya saing dan memberi impak kepada masyarakat.

Transformasi APN daripada Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) pada tahun 2025 bukan perubahan nama semata-mata. Ia pengiktirafan besar terhadap peranan institusi ini dalam menyokong agenda reformasi undang-undang di negara ini. Ia juga tanda kepercayaan bahawa APN mampu menjadi pusat latihan kehakiman dan perundangan yang disegani, bukan sahaja di peringkat nasional, malah di pentas antarabangsa.

Pembangunan Pelan Strategik APN 2026–2030 adalah berasaskan tiga teras strategik utama. Pertama, untuk memperkasakan latihan dan pembangunan profesional. APN sentiasa menilai semula kurikulum sedia ada agar kekal relevan dengan perkembangan undang-undang dan cabaran dunia hari ini. Di samping itu, APN menyasarkan sekurang-kurangnya 10 proforma bagi kursus baharu setiap tahun, dengan separuh daripada kursus di APN dibuka kepada peserta dari sektor swasta dan antarabangsa. APN juga sentiasa mempertingkatkan latihan secara digital dan memastikan kualiti penceramah dititikberatkan.

Kedua, APN juga menyasarkan untuk memantapkan penerbitan dan pelaporan pencapaian. Laporan tahunan, *e-Newsletter INSIGHT* dan laporan pencapaian berkala akan menjadi platform untuk APN menilai keberkesanan dan menambah baik dari semasa ke semasa.

Ketiga, untuk mengukuhkan tadbir urus organisasi APN bagi memastikan kemudahan latihan yang kondusif, perkhidmatan pelanggan yang responsif serta sistem pengurusan kewangan yang cekap dan telus.

Tiga teras strategik utama yang dirancang ini adalah berteraskan kepada nilai-nilai utama yang membentuk identiti APN iaitu Aspirasi, Profesionalisme dan Nasionalisme.

Pelan Strategik APN 2026–2030 ini adalah milik bersama. Ia adalah tanggungjawab dan amanah seluruh warga APN, rakan strategik, serta semua agensi yang bersama APN dalam ekosistem perundangan negara dalam memastikan reformasi undang-undang yang memberi manfaat kepada rakyat.

“Memacu Kejayaan Pembelajaran”
(Empowering Learning Success)

Sekian, terima kasih.

RUSHAN LUTFI BIN MOHAMED

Ketua Pengarah

Akademi Perundangan Negara (APN)

Jabatan Perdana Menteri



PENDAHULUAN

PELAN STRATEGIK 2026-2030

RINGKASAN EKSEKUTIF

APN merupakan kesinambungan daripada ILKAP yang telah ditubuhkan sejak tahun 1993. Penjenamaan semula ini bukan sekadar pertukaran nama namun merupakan suatu transformasi menyeluruh dalam struktur dan hala tuju strategik bagi memperkukuh kedudukan APN sebagai pusat latihan utama dalam bidang kehakiman dan perundangan negara.

Transformasi ini dilaksanakan bagi memastikan APN kekal relevan dalam menghadapi cabaran baharu termasuk digitalisasi perundangan, teknologi mahkamah masa depan serta keperluan pembangunan modal insan dalam bidang undang-undang yang mampu bersaing di peringkat global.

Pelan Strategik APN 2026–2030 merupakan dokumen hala tuju yang memberikan gambaran menyeluruh terhadap peranan dan fungsi APN pasca transformasi daripada ILKAP. Ia bukan sekadar menggariskan objektif dan strategi bahkan turut menjelaskan sasaran dan komitmen yang perlu dicapai bagi memperkukuh kedudukan APN sebagai pusat kecemerlangan latihan kehakiman dan perundangan negara. Melalui pelan ini, APN memiliki rangka kerja yang jelas untuk beroperasi, menyelaraskan dan melaksanakan program serta inisiatif secara berfokus, demi memastikan visi dan misinya dapat direalisasikan dengan lebih berkesan dan mampan.


TRANSFORMASI APN

Ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 1993, ILKAP memulakan operasinya di Pejabat Kementerian Undang-Undang pada 23 Disember 1993 sebelum berpindah ke Wisma Sime Darby, Kuala Lumpur pada Julai 1994 dan seterusnya ke kampus tetap di Bandar Baru Bangi, Selangor pada September 2003.


Seiring dengan perubahan dinamik dalam dunia perundangan global dan keperluan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan undang-undang di negara ini, terdapat keperluan untuk mengukuhkan peranan ILKAP agar lebih berprestij dan relevan dengan perkembangan semasa. Selaras dengan itu, ILKAP telah melalui proses transformasi menyeluruh dan dijenamakan semula sebagai APN pada 9 April 2025. Proses ini menandakan satu fasa baharu yang mengukuhkan lagi peranan APN sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang kehakiman dan perundangan.

APN mengekalkan mandat asalnya sebagai agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri selaras dengan visi dan misi yang lebih dinamik serta bersifat nasional. Selain menyediakan platform pembelajaran berterusan kepada pegawai kehakiman dan perundangan, pihak penguat kuasa, agensi awam dan swasta, APN turut menjalankan usaha memperluas literasi undang-undang, membina kefahaman yang lebih mendalam serta menyokong agenda reformasi institusi dan keadilan sosial di Malaysia.

TIGA TERAS STRATEGIK APN



STRUKTUR ORGANISASI APN



FUNGSI APN

Merancang dan mengendalikan program latihan, kolokium, seminar dan bengkel dalam bidang kehakiman dan perundangan

Menjalankan kajian yang berkaitan dengan keperluan latihan dan analisa impak kepada organisasi dan pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat di dalam bidang kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang

Menjalankan kajian dan penerbitan berkaitan dengan perkembangan bidang kehakiman dan perundangan semasa

PUNCA KUASA APN



The background features a complex geometric design with overlapping triangles in shades of purple, blue, and pink. In the upper right, there are faint, semi-transparent line graphs and bar charts, suggesting a data-driven or analytical theme.

CABARAN PERSEKITARAN

PELAN STRATEGIK 2026-2030

PEMEGANG TARUH, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK APN

Pemegang taruh merupakan pihak yang mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung terhadap operasi, dasar dan keberhasilan APN. Pelanggan adalah pihak yang menerima perkhidmatan atau produk secara langsung daripada APN. Manakala rakan strategik adalah pihak luar yang berkolaborasi dengan APN untuk meningkatkan kualiti latihan dan mencapai objektif bersama

1

Pemegang Taruh

- Jabatan Perdana Menteri
- Jabatan Peguam Negara
- Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

2

Pelanggan

- Jabatan Peguam Negara
- Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
- Agensi Awam
- Agensi Penguatkuasaan
- Agensi Swasta

3

Rakan Strategik

- Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta
- Agensi Penguatkuasaan
- Akademi/ Badan Undang-Undang Antarabangsa
- Institut Latihan Awam

ISU DAN CABARAN STRATEGIK BERDASARKAN ANALISIS PERSEKITARAN

1. Penyampaian Perkhidmatan Teras

Sebagai institusi latihan kehakiman dan perundangan negara, APN berdepan dengan cabaran memastikan setiap program latihan kekal relevan, berkualiti dan berimpak tinggi dalam menghadapi isu perundangan di peringkat nasional dan global. APN bertanggungjawab memperkukuh kurikulum serta modul latihan agar sentiasa selari dengan pindaan undang-undang dan perubahan landskap perundangan semasa. Selain itu, pemilihan penceramah berwibawa serta pengiktirafan pakar menjadi keutamaan, di samping memperluas kolaborasi dengan rakan-rakan strategik. Fasiliti latihan yang kondusif serta penggunaan teknologi sokongan terkini juga perlu diberi perhatian untuk meningkatkan keberkesanan latihan. Kebolehan penyelidikan dan inovasi kandungan turut diperkasa sebagai asas pembangunan modal insan.

Objektif Strategik:

- Memperkasa pengurusan dan penyampaian latihan kehakiman dan perundangan bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran;
- Memacu penyelidikan dan inovasi latihan kehakiman dan perundangan untuk menghadapi cabaran global; dan
- Mendigitalkan serta memperbaharui bahan latihan sebagai sumber rujukan dinamik.

2. Keupayaan dan Kapasiti Organisasi

Sebagai pusat kecemerlangan latihan perundangan yang terkemuka, APN perlu memanfaatkan sepenuhnya sumber tenaga kerja, kewangan dan fasiliti yang ada. Kecekapan, keberkesanan dan integriti dalam tadbir urus organisasi menjadi asas utama untuk memastikan setiap latihan dan program yang dilaksanakan mencapai piawaian tinggi. Peningkatan kapasiti organisasi perlu didorong oleh amalan pengurusan strategik, pendigitalan sistem, automasi proses serta kecekapan operasi bagi menjamin keberkesanan jangka panjang.

Objektif Strategik:

- Mengukuhkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan berasaskan integriti, kecekapan dan profesionalisme.; dan
- Memanfaatkan teknologi digital dan automasi sebagai pemangkin transformasi organisasi.



HALA TUJU STRATEGIK

PELAN STRATEGIK 2026-2030

VISI

Peneraju kecemerlangan tenaga kerja profesional yang mampan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia

MISI

Meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kompetensi dan profesionalisme pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan agensi penguatkuasaan dengan melaksanakan latihan yang relevan, berkualiti dan efektif selaras dengan perkembangan undang-undang semasa

MOTO

Memacu Kejayaan Pembelajaran
(*Empowering Learning Success*)

NILAI-NILAI BERSAMA

INSPIRASI LATIHAN & INTEGRITI

- Amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika.
- Keinginan yang kuat untuk sentiasa memberikan latihan yang terbaik dalam bidang kehakiman dan perundangan.
- Menghasilkan latihan yang bermutu, relevan dan berimpak tinggi.
- Amanah dalam menjalankan latihan dan pembelajaran.

PROFESIONALISME & PRODUKTIF

- Memberikan latihan secara teori dan praktikal yang relevan dan berkualiti.
- Memastikan kecemerlangan perkhidmatan latihan yang diberikan dapat menghasilkan peserta yang cemerlang dalam organisasi masing-masing.

NASIONALISME

- Memperkasa ilmu dalam memacu etika profesional, keadilan dan kesaksamaan untuk kesejahteraan negara.
- Menerapkan semangat cintakan negara dan jati diri.
- Menjadi elemen dan faktor rujukan pengetahuan.
- Nadi penggerak utama dalam latihan kehakiman dan perundangan.



STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN PELAN STRATEGIK 2026-2030

TERAS STRATEGIK 1:

**MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI
PEMBANGUNAN TENAGA KERJA
PROFESIONAL**

TERAS STRATEGIK 1	MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN TENAGA KERJA PROFESIONAL			
STRATEGI 1	MEMANTAPKAN KURIKULUM LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN			
	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratus)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pelaksanaan dan penilaian program latihan yang berkesan berdasarkan penilaian dalam sistem ICMAS	1. Maklum balas kepuasan peserta berkenaan dengan objektif latihan	80% peserta memberikan skor purata 5.5 ke atas daripada skor penuh 7.0 bagi pencapaian objektif latihan	2026 - 2030	Bahagian Latihan
	2. Maklum balas peserta berkenaan penambahan pengetahuan dan kemahiran	80% peserta memberikan skor purata 5.5 ke atas daripada skor penuh 7.0 bagi penambahan pengetahuan dan kemahiran selepas latihan	2026 - 2030	Bahagian Latihan
2. Memperkasakan modul latihan melalui penyertaan peserta swasta atau peserta dari luar negeri	Pembukaan penyertaan latihan bagi peserta swasta atau peserta dari luar negeri	50% program latihan dikategorikan sebagai "Terbuka kepada Swasta" / "Terbuka kepada Luar Negeri"	2026 - 2030	Bahagian Latihan
3. Perancangan dan penyediaan modul kurikulum latihan bagi kursus kerjasama yang komprehensif	Penglibatan rakan strategik dalam pembinaan modul kurikulum kursus kerjasama	Kerjasama dengan dua puluh lima (25) rakan strategik untuk menyediakan modul kurikulum latihan	2026 - 2030	Bahagian Latihan
4. Proforma Program Latihan Baharu Tahunan	Mendapatkan proforma daripada pemegang taruh, pihak yang berkepentingan dan Bahagian Latihan	Sepuluh (10) proforma latihan baharu setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Latihan
5. Pelaksanaan modul latihan secara dalam talian	Perlaksanaan modul latihan dalam talian bagi kursus berjadual	5% dari program latihan berjadual setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Latihan

TERAS STRATEGIK 1	MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN TENAGA KERJA PROFESIONAL			
STRATEGI 2	MEMASTIKAN KUALITI PENCERAMAH MEMENUHI PIAWAIAN YANG DITETAPKAN			
Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratus)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Penilaian kompetensi, kualiti dan keberkesanan penceramah berdasarkan penilaian dalam sistem ICMAS	1. Maklum balas kepuasan peserta berkenaan dengan persembahan dan kandungan ceramah	90% peserta memberikan skor purata 5.5 ke atas daripada skor penuh 7.0	2026 - 2030	Bahagian Latihan
	2. Laporan penilaian pencapaian penceramah awam	90% peserta memberikan skor purata 5.5 ke atas daripada skor penuh 7.0	2026 - 2030	Bahagian Latihan
	3. Laporan penilaian pencapaian penceramah swasta	90% peserta memberikan skor purata 5.5 ke atas daripada skor penuh 7.0	2026 - 2030	Bahagian Latihan

TERAS STRATEGIK 1	MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN TENAGA KERJA PROFESIONAL			
STRATEGI 3	MENJALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN AGENSI KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA			
Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratus)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pemantapan jalinan kerjasamadengan mana-mana agensi kerajaan	1. Melaksanakan kursus kerjasama dengan pelbagai jabatan / agensi penguatkuasaan undang-undang	10% daripada jumlah program latihan berjadual bagi setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Latihan
	2. Melaksanakan Kursus Diploma Eksekutif dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	Dua (2) siri setahun	2026 - 2030	Bahagian Latihan
2. Pemerksaan program latihan yang dibangunkan dengan kerjasama perunding melalui khidmat perunding	Melaksanakan program latihan menggunakan kurikulum yang dibangunkan dengan kerjasama perunding bagi memenuhi keperluan dan spesifikasi yang ditentukan	Sepuluh (10) program latihan dibangunkan dengan menggunakan khidmat perunding	2026 - 2030	Bahagian Latihan

TERAS STRATEGIK 2:

**MEMANTAPKAN PENERBITAN DAN
PELAPORAN PENCAPAIAN APN**

TERAS STRATEGIK 2	MEMANTAPKAN PENERBITAN DAN PELAPORAN PENCAPAIAN APN			
STRATEGI 1	MENYELARASKAN PENERBITAN DAN PELAPORAN PENCAPAIAN HASIL KERJA			
Program	Indikator sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratus)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Penerbitan Buku Laporan Tahunan APN	Bilangan penerbitan	Satu (1) penerbitan Buku Laporan Tahunan setiap tahun	2026 - 2030	Unit Penyelidikan dan Inovasi
2. Penerbitan APN <i>E-Newsletter</i> (INSIGHT)	Bilangan penerbitan	Dua (2) penerbitan APN <i>E-Newsletter</i> (INSIGHT) setiap tahun	2026 - 2030	Unit Penyelidikan dan Inovasi
3. Penerbitan e-Katalog Jadual Program Latihan Tahunan	Bilangan jadual	Satu (1) e-Katalog Jadual Program Latihan Tahunan diterbitkan setiap tahun	2026 - 2030	Unit Penyelidikan dan Inovasi

TERAS STRATEGIK 2	MEMANTAPKAN PENERBITAN DAN PELAPORAN PENCAPAIAN APN			
STRATEGI 2	MEMASTIKAN KELANGSUNGAN PERKHIDMATAN MELALUI ANALISIS DAN PELAPORAN YANG KOMPREHENSIF			
Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratus)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pelaporan Kertas Lembaga Pengurusan	Bilangan pelaporan disediakan	Satu (1) pelaporan disediakan setiap tahun	2026 - 2030	Unit Penyelidikan dan Inovasi
2. Pelaporan pencapaian Pelan Strategik	Bilangan pelaporan	Dua (2) pelaporan disediakan setiap tahun	2026 - 2030	Unit Penyelidikan dan Inovasi
3. Penghasilan kurikulum baharu	Bilangan kurikulum baharu dihasilkan	Lima (5) kurikulum baharu dihasilkan setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Latihan
4. Kajian semula kurikulum sedia ada	Bilangan kurikulum sedia ada yang dikaji semula	Satu (1) kajian kurikulum baharu dihasilkan setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Latihan

TERAS STRATEGIK 2	MEMANTAPKAN PENERBITAN DAN PELAPORAN PENCAPAIAN APN			
STRATEGI 2	MEMASTIKAN KELANGSUNGAN PERKHIDMATAN MELALUI ANALISIS DAN PELAPORAN YANG KOMPREHENSIF			
Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratus)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pembangunan Sistem e-Repository	Pembangunan Sistem Repository Perpustakaan	Satu (1) sistem dibangunkan	2026 - 2030	Bahagian Maklumat
2. Pemantapan repository nota kursus	Peratus nota kursus direkod dan disimpan dalam repository	50% nota kursus daripada jumlah program latihan berjadual dimuat naik setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Maklumat
3. Pendigitalan koleksi nota kursus	Bilangan Pendigitalan Nota Kursus	Pendigitalan 10,000 muka surat nota kursus	2026 - 2030	Bahagian Maklumat
4. Pendigitalan Koleksi Gambar	Pendigitalan Koleksi Gambar	Pendigitalan 5,000 imej gambar	2026 - 2030	Bahagian Maklumat

TERAS STRATEGIK 3:

MENGUKUHKAN TADBIR URUS ORGANISASI

TERAS STRATEGIK 3	MENGUKUHKAN TADBIR URUS ORGANISASI			
STRATEGI 1	MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI PENGURUSAN ORGANISASI			
Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Penyediaan fasiliti dan prasarana yang berkualiti	Skor kepuasan pelanggan terhadap kemudahan latihan berdasarkan penilaian dalam sistem ICMAS	80% peserta memberikan skor purata 5.5 ke atas daripada skor penuh 7.0	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan

TERAS STRATEGIK 3	MENGUKUHKAN TADBIR URUS ORGANISASI			
STRATEGI 2	MENAMBAH BAIK SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN			
Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Penyelesaian pembayaran bil dan tuntutan	Peratus penyelesaian pembayaran bil dan tuntutan	100% penyelesaian pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan

The background features a complex geometric design with overlapping triangles in shades of purple, blue, and pink. In the upper right, there are faint, stylized data visualizations including a line graph with circular markers and a bar chart.

PELAKSANAAN KE ARAH KEJAYAAN

PELAN STRATEGIK 2026-2030

MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik APN 2026-2030 secara efektif dalam tempoh yang ditetapkan, pemantauan yang teliti dan sistematik serta kajian semula pelaksanaan perlu dibuat dari semasa ke semasa. Bagi tujuan itu, dua (2) jawatankuasa diwujudkan iaitu -



**Jawatankuasa Pemandu
Pelan Strategik APN (JKPPSA)**



**Jawatankuasa Kerja
Pengurusan Strategik (JKPS)**

JAWATANKUASA PEMANDU PELAN STRATEGIK APN (JKPPSA)

PERANAN

Pemantau utama dan membuat penilaian serta mengkaji semula Pelan Strategik APN secara keseluruhan JKPPSA akan bermesyuarat setiap dua (2) kali setahun

KEANGGOTAAN

Pengerusi

Ketua Pengarah APN

Setiausaha

Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi

Anggota

Timbalan Ketua Pengarah (Latihan)

Pengarah-Pengarah Program

Pendaftar

Pengarah Bahagian Maklumat

FUNGSI

- Memastikan setiap Bahagian membangunkan Sasaran Kerja Tahunan Bahagian sejajar dengan Pelan Strategik APN
- Membangunkan pelan operasi atau jadual pelaksanaan yang terperinci terhadap setiap strategi dan program
- Menyelesaikan isu-isu dasar yang menyentuh pelaksanaan Pelan Strategik APN

JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN STRATEGIK (JKPS)

PERANAN

Memantau pelaksanaan dan pencapaian di peringkat Bahagian menerusi mesyuarat yang akan diadakan setiap dua (2) kali setahun. Setiap Bahagian di APN mempunyai satu (1) JKPS yang akan mengemukakan laporan pencapaian Bahagian berkenaan kepada JKPPSA

PENYELARAS

JKPS Latihan	Timbalan Ketua Pengarah (Latihan)
JKPS Pengurusan	Pendaftar
JKPS Maklumat	Pengarah Bahagian Maklumat

FUNGSI

- Membuat hebahan kandungan Pelan Strategik kepada semua pegawai di Bahagian berkenaan serta memupuk komitmen mereka
- Menyelaras sasaran kerja tahunan supaya selaras dengan Pelan Strategik yang dibangunkan
- Memberikan perhatian terhadap program yang memberi impak kepada pencapaian strategi untuk melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

1

**Mesyuarat Pemantauan
Pelan Strategik APN dua
(2) kali setahun**



2

**Penilaian Pencapaian Pelan
Strategik APN setiap tahun**



3

**Penilaian Keberkesanan dan
Kajian Semula Pelan Strategik
APN pada tahun 2028**



FAKTOR PENENTU KEJAYAAN






PENUTUP

PELAN STRATEGIK 2026-2030

MATLAMAT APN PASCA 2030



APN menjadi pusat ilmu dan latihan perundangan yang unggul, diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa.



APN beroperasi sebagai institusi latihan kelas pertama, dilengkapi kemudahan moden, sistem digital pintar dan pengurusan sumber yang cekap.



APN menyampaikan latihan kehakiman dan perundangan yang sentiasa berkualiti, berkesan dan menepati keperluan semasa.




Akademi Perundangan Negara (APN)
Lot 5, Persiaran Universiti,
Seksyen 15, Bandar Baru Bangi,
43650 Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 03 - 8924 3400 | Emel: apn@apn.gov.my



Website APN
www.apn.gov.my



Facebook APN
Akademi Perundangan Negara (APN)



Instagram APN
Akademi Perundangan Negara (APN)